

# INFOGRAFIK PERMOHONAN BAHRU SIJIL E-CREDENTIALLING JURU X-RAY (DIAGNOSTIK)



## Gambar Passport

Semua permohonan perlu disertakan dengan gambar passport dengan pakaian rasmi (pejabat).

## Tandatangan

Pegawai yang boleh menandatangani pada ruangan *supervisor & Head of Department (HOD)* hanya dalam kalangan staf radiologi. Tatacara bagi mendapatkan tandatangan adalah seperti berikut:

### Klinik Kesihatan

**Supervisor** - Juru X-Ray Kanan di klinik kesihatan & Penyelaras JXRD Kesihatan Negeri  
**HOD** - Penyelaras JXRD Kesihatan Negeri (jika JXRD kanan & Penyelaras Negeri adalah individu berlainan - Ketua Bidang JXR Negeri)

### Hospital Tanpa Pakar (ada JXRD kanan)

**Supervisor** - Juru X-Ray Kanan  
**HOD** - Ketua Juru X-Ray (jika JXRD-kanan & Ketua Juru X-Ray adalah orang berlainan) - Ketua Bidang JXR negeri

### Hospital Tanpa Pakar (Tiada JXRD Kanan)

**Supervisor** - Ketua Juru X-Ray, Juru X-Ray Kanan dari kluster hospital yang sama  
**HOD** - Ketua Bidang JXR negeri

### Hospital Berpakar

**Supervisor** - Ketua Juru X-Ray  
**HOD** - Ketua Jabatan Radiologi

**Kegagalan mendapatkan tandatangan pegawai yang betul serta di ruangan yang betul akan menyebabkan permohonan ditolak.**

## Sijil

Salinan sijil yang perlu disahkan:



- Sijil kelayakan akademik (diploma, sarjana muda, diploma lanjutan) dalam bidang radiografi.
- Sijil pendaftaran professional (MAHPC – Akta Profesional 774)
- Sijil credentialing yang lama (bagi mereka yang tidak mempunyai sijil kompetensi) atau sijil kompetensi.

\*Berhubung perkara (b) Nombor Pendaftaran AKTA ALLIED HEALTH PROFESSIONS adalah wajib diisi oleh semua pemohon e – credentialing bagi profesion Juru X-Ray.

**Ketiadaan sijil yang tiada pengesahan akan menyebabkan permohonan ditolak.**

## Latihan/ Kursus berkaitan

Sijil latihan / kursus berkaitan dengan bidang yang dimohon perlu disertakan.



## Pegawai rujukan



Mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dalam bidang yang dimohon.

## Ringkasan Buku Log

Salinan ringkasan buku log terkini (*credentialing* versi 2021) yang disahkan perlu disertakan untuk setiap permohonan.

**Ketiadaan salinan buku log yang disahkan akan menyebabkan permohonan ditolak.**



## SOALAN LAZIM BERKAITAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL E-CREDENTIALING



### GAMBAR PASSPORT

Bolehkah gambar passport menggunakan lab coat?



Semua permohonan perlu disertakan dengan gambar passport dengan pakaian rasmi (pejabat).



### TANDATANGAN

Siapakah yang boleh menandatangani permohonan e-Credentialing pada ruangan HOD?

Pegawai yang boleh menandatangani pada ruangan *Head of Department* (HOD) hanya dikalangan staf radiologi. Tatacara bagi mendapatkan tandatangan adalah seperti berikut:



Kegagalan mendapatkan tandatangan pegawai yang betul serta di ruangan yang betul akan menyebabkan permohonan ditolak.

- Klinik Kesihatan HOD Ketua Bidang JXR negeri
- Hospital Tanpa Pakar (Tiada JXR Kanan)
- HOD - Ketua Bidang JXR negeri
- Hospital Tanpa Pakar (ada JXR kanan)
- HOD - Ketua Bidang JXR negeri
- Hospital Berpakar
- HOD - Ketua Bidang JXR negeri




### SIJIL

Adakah sijil credentialing terdahulu perlu dikemukakan untuk pembaharuan?



Salinan sijil credentialing/e-Credentialing yang terdahulu perlu dikemukakan.



### MYCPD

Berapakah mata kredit MyCPD diperlukan untuk pembaharuan?



- Perlu mengemukakan salinan myCPD yang disahkan untuk dua (2) tahun semasa dengan mata minima setiap tahun adalah sebanyak 20 mata & ianya hendaklah berkaitan dengan bidang radiologi.
- Mata kehadiran ke seminar online juga boleh diambil kira. Kegagalan untuk mengesahkan salinan atau hanya salinan untuk satu (1) tahun disertakan akan menyebabkan permohonan ditolak.



### RINGKASAN BUKU LOG

Adakah saya perlu menyertakan ringkasan buku log?

Tidak perlu disertakan.

